

30/04/1998

Saham 50 sen seunit dijangka jadi tarikan

BEBERAPA wakil Wanita Umno yakin bahawa Amanah Saham Wanita (Asnita) yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Selasa ini akan mendapat sambutan daripada wanita segenap lapisan.

Mereka yang ditemui berkata, sambutan itu berdasarkan harga saham itu, 50 sen seunit dan kemudahan membelinya di kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) di cawangan seluruh negara.

Wakil Wanita Bahagian Bentong, Latipah Umat, berkata harga saham yang rendah akan menjadi penggalak kepada wanita untuk melabur kerana ia tidak membebankan mereka.

Katanya, pelaburan itu juga dilihat sebagai peluang kepada wanita untuk sama-sama membantu mengatasi masalah ekonomi negara.

"Jika tidak ada tunai, wanita yang mempunyai banyak barangan kemas boleh menjual barang kemas mereka kepada Habib Jewels dan duit yang didapati boleh digunakan untuk membeli Asnita," katanya ketika ditemui pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Habib Jewels Sdn Bhd (Habib Jewels), BSN dan Hijrah Unit Trust Management Berhad (Hijrah).

Pada majlis itu, Hijrah diwakili oleh Pengerusi Eksekutifnya, Rohani Mohd Shahir; Habib Jewels diwakili oleh Pengarah Urusannya, Meer Sadik Habib manakala BSN diwakili oleh Pengurus Besarnya, Datuk Mohd Kassa Abdul Aziz. Majlis itu disaksikan oleh Ketua Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Sementara Ketua Wanita Pulau Pinang, Sharifah Aminah Syed Mohamad, berkata Asnita adalah projek istimewa kerana ia menggunakan nama wanita dan menjadikan wanita sebagai keutamaannya.

Katanya, walaupun banyak saham yang dikeluarkan sebelum ini, tidak ada yang menggunakan khusus nama wanita.

"Saya juga yakin Asnita akan mendapat sambutan hangat kerana ia tidak membebankan dan orang ramai berpeluang mendapat penjelasan lanjut melalui program yang kami atur.

"Melalui program itu, semua wanita terutama yang tinggal di kampung tidak akan ketinggalan mengetahui maklumat lanjut dan perkembangan terkini," katanya.

Ketua Wanita Bahagian Alor Gajah, Latipah Omar, berpendapat Asnita adalah sebagai tanda penghargaan kepada perjuangan wanita yang sama-sama berganding bahu membantu memulihkan ekonomi negara.

Katanya, ia dapat memberi faedah bukan saja kepada kaum wanita tetapi juga kepada rakyat keseluruhannya.

"Ini kerana walaupun Asnita memberi keutamaan kepada wanita tetapi ia juga mengalu-alukan pembabitan lelaki," katanya yang mengalu-alukan penjualan Asnita di kaunter BSN kerana ia memudahkan pembelian.

Sementara itu, menurut Pengarah Urusan Habib Jewels, Meer Sadik Habib, mereka mempunyai pakar gemologi yang akan memberi perkhidmatan dan penilaian yang tepat bagi setiap barang kemas yang hendak dijual.

"Pada hari pelancaran, Habib Jewels akan membuka satu kaunter di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) untuk tujuan itu," katanya.

Beliau berkata, orang ramai juga boleh menjual barang kemas mereka di cawangan Habib Jewels terdekat seluruh negara selepas pelancaran itu dilakukan.

Menurutnya lagi, wakil dan pakar gemologi Habib Jewels turut serta dalam lawatan ke negeri yang dianjurkan dalam usaha memberi penjelasan lanjut mengenai Asnita.

(END)